

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 5, 2019 9:24 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Syarahan Pengukuhan Profesor Bicara Isu Kebebasan Menyuarakan Pandangan Politik Di Malaysia



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

5 MAC 2019 / 28 JAMADILAKHIR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SYARAHAN PENGUKUHAN PROFESOR BICARA ISU KEBEBASAN MENYUARAKAN PANDANGAN POLITIK DI MALAYSIA



UUM ONLINE: Isu kebebasan menyuarakan pandangan politik di Malaysia dikupas oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani sempena syarahan pengukuhan profesor bertajuk *Freedom of Political Speech in Malaysia* yang diadakan di Auditorium Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS).

Syarahannya itu antara lain membicarakan situasi kebebasan menyuarakan pandangan politik di Malaysia dan memperjelaskan hujah-hujah yang menyokong sekatan terhadap pandangan politik dan masalah-masalah yang menghalang kebebasan menyuarakan pandangan politik daripada diamalkan secara efektif.

Jelasnya, dua isu utama yang sensitif ialah kaum dan agama yang dianggap sebagai *taboo* dan perbincangan mengenai isu ini sangat terhad.

"Artikel 10 dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kebebasan bersuara terutamanya berkaitan pandangan politik."

Penggunaan perkataan "bercakap dan bersuara," menurut Shad Saleem Faruqi (2018) adalah lebih luas "merangkumi percakapan mulut, tanda, simbol serta isyarat dan melalui kerja-kerja seni, muzik, ukiran, gambar-gambar, filem, video, kartun, seni komputer, seni bina, media cetak dan ucapan siber."

"Walau bagaimanapun dalam mencerminkan kepekaan terhadap isu ini, senarai sekatan yang mengehadkan hak untuk kebebasan bersuara diletakkan atas dasar menjaga kestabilan politik dan keharmonian kaum telah dilaksanakan.

"Tambahan pula, kebebasan menyuarakan pandangan politik dan hak berpolitik individu adalah antara yang terpenting ke arah kemakmuran dan pembangunan negara serta kecenderungan pemerintah mengenakan beberapa bentuk disiplin politik bagi memastikan khidmat kepada masyarakat dapat diperluaskan dan dilaksanakan dengan lebih baik," ujarnya yang turut menyentuh kebebasan menyuarakan pandangan politik di era pemerintahan Mahathir Mohamad, Najib Razak dan Pakatan Harapan.

Di akhir syarahannya, beliau menyimpulkan bahawa kebebasan menyuarakan pandangan politik perlulah dimantapkan demi demokrasi yang berasaskan perundingan awam.

"Ianya sudah pasti boleh diperkuatkan melalui pelaksanaan teori dan amalan tanggungjawab sosial. Ia memerlukan kemahuan politik oleh kerajaan untuk mengizinkannya. Janji telah dibuat oleh kerajaan Pakatan Harapan untuk merakyatkan kebebasan menyuarakan pandangan politik.

"Diharapkan, ianya akan menjadi realiti dan kebebasan menyuarakan pandangan politik akan diterima oleh rakyat Malaysia yang secara konsisten mendokong kemakmuran negara dan demokrasi serta mengenyahkan penyalahgunaannya untuk menyebarkan kebencian antara kaum dan agama," katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad.

Siri Syarahan Pengukuhan Profesor merupakan platform kepada semua professor di UUM untuk menyampaikan syarahan mengenai bidang kepakaran masing-masing yang dibukukan untuk simpanan pihak universiti.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.